

20 OCT 1998

PARLIMEN-BAKUN

K'JAAN PERUNTUKKAN BAYARAN KEMAJUAN RM626.0 JUTA UNTUK PROJEK HIDRO BAKUN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Kementerian Kewangan hari ini mencadangkan usul membuat peruntukan wang tambahan RM626.0 juta untuk bayaran kemajuan setelah Kerajaan mengambil alih projek Hidro Bakun.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata daripada pecahan tambahan RM626.0 juta itu, RM90 juta adalah untuk bayaran kemajuan kepada syarikat Dong Ah bagi projek pengalihan sungai, RM100 juta sebagai pendahuluan pampasan kepada Ekran Bhd dan RM436 juta untuk membayar institusi kewangan atas pinjaman yang diambil oleh Bakun Hidro Elektrik Corporation Bhd.

Jumlah itu merupakan sebahagian daripada RM789.6 juta yang diperuntukkan untuk Perbendaharaan.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan usul di Dewan Rakyat mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan Tambahan 1966 dibahaskan tanpa mengemukakan apa-apa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan yang melibatkan jumlah tambahan RM2,678,355,040 bagi membiayai projek pembangunan.

Pada Julai tahun ini, Dewan Rakyat telah diberitahu bahawa kerajaan setakat ini telah memberikan pampasan awal sebanyak RM40 juta kepada Ekran, tetapi pampasan keseluruhannya masih diusahakan.

Firma perakaunan Price Waterhouse Coopers telah dilantik untuk mengkaji pampasan itu tetapi ia belum lagi mengesahkan perbelanjaan bagi pembayaran pampasan itu kerana kelewatan mengemukakan dokumen berkaitan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai kos projek itu semasa beliau berada di Kuching pada 20 Ogos lalu berkata, ia akan dikurangkan dengan banyaknya kerana kerajaan tidak bercadang untuk menyalurkan kuasa eletrik dari Bakun ke Semenanjung Malaysia yang membatalkan keperluan untuk memasang kabel dasar laut yang diperlukan.

Ini akan menjimatkan RM6 bilion daripada anggaran asal kos sebanyak RM13.6 bilion untuk projek berkenaan.

Kerajaan memutuskan untuk menangguhkan projek Hidro-Eletrik Bakun awal tahun ini di samping projek utama lain di negara ini untuk mengurangkan perbelanjaan awal kerana kelembapan ekonomi disebabkan krisis matawang.

Projek itu sepatutnya menjana 2,400 megawatts kuasa eletrik sehari bukan sahaja kepada Sarawak tetapi juga ke Semenanjung Malaysia.

Kerajaan juga telah membelanjakan RM49 juta untuk kerja-kerja pembinaan bagi terowong pengalihan sungai.

-- BERNAMA

AA MA